

13 JUL 2000

MODENAS-ENJIN BOT/I

MODENAS AKAN KELUARKAN ENJIN BOT

GURUN, 13 Julai (Bernama) -- Modenas, pengeluar motorsikal negara, merancang untuk mengeluarkan enjin bot dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi sebelum meneroka pembuatan enjin motorsikal yang lebih sukar.

Ketua pegawai eksekutif Modenas, Haji Rashid Din berkata hari ini syarikat itu sekarang sedang melatih juruteranya untuk memajukan projek tersebut.

"Ketika ini kami memutuskan untuk mengeluarkan enjin lebih mudah dahulu sebelum memasuki pengeluaran enjin jitu tinggi motorsikal," katanya kepada sidang akhbar di sini.

Selanjutnya, keadaan ketika ini tidak begitu berdaya maju daripada segi ekonomi untuk mengeluarkan enjin motorsikal kerana ianya lebih murah diimport berbanding dikeluarkan sendiri, jelasnya.

"Lebih mudah mengeluarkan enjin bot 200cc dengan enam kuasa kuda berbanding enjin motorsikal 100cc dengan sembilan kuasa kuda," katanya.

Modenas, yang ditubuhkan lima tahun lalu, ketika ini mengeluarkan motorsikal cub Kriss 110cc dan motosikal pesiaran Jaguh 150cc. Kedua-duanya menggunakan enjin Kawasaki.

"Malahan, PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sering bertanya kepada kami bila kami akan mengeluarkan enjin motorsikal sendiri," kata Rashid.

"Kami mempunyai rancangan untuk memajukan enjin motorsikal kami sendiri tetapi masa masih lagi panjang," katanya. -- BERNAMA

JM ZK OS